

Najib boleh mohon dilepaskan pada September nanti

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Mula bicara atau pembelaan boleh mohon untuk lepas bebas.

Itu dua pilihan yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi, K. Muniandy kepada pihak pendakwaan dalam kes pengubahan wang haram dana syarikat SRC International Sdn. Bhd. berjumlah RM27 juta yang dihadapi oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Selepas mempertimbangkan hujah kedua-dua pihak, Mahkamah akan terus menetapkan tarikh perbicaraan.

“Pada tarikh tersebut (hari pertama perbicaraan), sekiranya pihak pendakwaan tidak bersedia untuk meneruskan kes dengan perbicaraan, pembelaan boleh berhujah permohonan untuk (tertuduh) dilepaskan dan dibebaskan (DAA) atau lepas tanpa dibebaskan (DNAA),” ujar hakim itu.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Ashrof Adrin Kamarul memaklumkan mahkamah bahawa ekoran terdapat beberapa perkara tidak dijangka, Jabatan Peguam Negara masih belum dapat membuat keputusan muktamad berhubung representasi yang



NAJIB Tun Razak hadir bagi mendengar keputusan representasi kes pengubahan wang haram dana SRC International di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. -UTUSAN/AMIR KHALID

dihantar oleh Najib.

Pendakwa raya itu juga menjelaskan bahawa representasi itu tidak boleh dianggap telah ditolak tetapi memerlukan lebih masa untuk diputuskan.

Pada 31 Julai 2023, Najib telah menghantar representasi agar pertuduhan yang dihadapinya dibatalkan. Representasi itu telah diterima Jabatan Peguam Negara pada 2 Ogos tahun sama.

Peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah kemudian memohon agar Najib dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan itu.

“Sejak dituduh atas tiga pertuduhan ini, sebanyak 26 kali pengurusan kes dijalankan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Mohamed Zaini Mazlan (kini hakim Mahkamah Rayuan) dan empat kali di hadapan Yang Arif (Hakim Muniandy).

“Pendakwaan dilihat mengalami kesukaran untuk membuat keputusan (berhubung representasi). Ini menunjukkan bahawa pertuduhan-pertuduhan ini tidak berasas dan oleh itu, perintah untuk DAA adalah wajar,” kata peguam itu.

Mohd. Ashrof membantah terhadap permohonan DAA itu.

“Pendakwaan pada ketika ini hanya memerlukan lebih masa. DAA pada peringkat ini adalah tidak sesuai.

“Saya faham kes telah berlanjutan daripada 2019 tetapi arahan saya ialah untuk satu lagi tarikh pengurusan kes. Saya tidak boleh bersetuju dengan permohonan pembelaan,” ujar Mohd. Ashrof.

Muhammad Shafee bangkit sekali lagi dan memohon agar anak guamnya itu dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) atas alasan ‘sekiranya pendakwaan ingin meneruskan kes, mereka boleh mendakwanya semula’.

Hakim Muniandy kemudian menetapkan tarikh perbicaraan selama lima hari iaitu pada 17, 18, 19, 23 dan 24 September ini.

Beliau turut menetapkan 11 Mac ini untuk pengurusan kes dan mengarahkan agar pihak pendakwaan mengemas kini status representasi dan dokumen-dokumen berkaitan perbicaraan.